

I. Baca dan bulatkan jawapan yang betul.

Puan Sarah memiliki 70 ekor itik, 60 ekor ayam kampung dan 40 ekor angsa. Bulan lepas, sebanyak 40 ekor ayam kampungnya mati disebabkan satu penyakit. Berapakah jumlah ekor haiwan yang dimiliki oleh Puan Sarah?

180

130

70

60

Kedai bunga Mei Lin mempunyai 4 jenis bunga iaitu 30 bunga ros, 70 bunga lavender, 10 bunga matahari dan 40 bunga lily. Berapakah jumlah bunga yang dimiliki oleh kedai bunga Mei Lin?

150

70

40

160

Di dalam kebun ayah, terdapat pokok durian, manggis dan mangga. Pada tahun ini, kami berjaya mengutip 20 buah durian, 50 buah manggis dan 5 buah mangga. Tetapi terdapat 3 biji durian yang rosak. Berapakah jumlah buah yang dapat dikumpulkan?

75

80

72

85

J. Baca dan bulatkan operasi yang terlibat di dalam kenyataan.

Itik-itik Puan Sarah menghasilkan 78 biji telur pada bulan lepas. Manakala ayamnya menghasilkan 64 biji telur. Setelah diperiksa, terdapat 24 biji telur ayam yang rosak. Kini, Puan Sarah memiliki 118 biji telur.

$$78+64-24=118$$

$$78-64-24=118$$

Mei Lin mempunyai 100 batang bunga ros yang segar. Setelah seminggu menjaga bunga ros ini, terdapat 7 lagi batang bunga ros yang layu. Sekarang, Mei Lin hanya memiliki 93 batang bunga ros

$$100-7=93$$

$$100+7=93$$

Ayah mengutip 90 buah manggis, 63 buah mangga dan 32 buah durian yang ranum. Tetapi apabila diperiksa semula, terdapat 4 buah mangga yang rosak. Sekarang, ayah hanya mempunyai 181 buah yang sedia untuk dimakan.

$$90+63+32-4= 181$$

$$90+63+32+4= 181$$